



BAHASA MELAYU (BUKU B)

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1 (UBSA 1)

BAHAGIAN A

- 1 B 2 D 3 A 4 B 5 C
6 A 7 A 8 A 9 A 10 C

BAHAGIAN B

SOALAN 1

- (i) laku
(ii) Kakak menggunakan baja kompos, bukan baja kimia untuk menyuburkan tanah supaya hasil tanaman selamat untuk dimakan.
(iii) seikat
(iv) Hasil tanaman kakak selamat untuk dimakan kerana kakak tidak menggunakan baja kimia atau racun serangga.

SOALAN 2

Sebagai seorang jiran saya akan segera menelefon pihak bomba kerana kebakaran harus dipadam dengan segera bagi mengelakkan api merebak ke rumah sebelah. Setelah itu saya akan memanggil jiran tetangga yang berhampiran untuk melihat sama ada terdapat orang ataupun tidak di dalam rumah yang harus diselamatkan. Kemudian memanggil orang ramai untuk membantu memadamkan api sebelum pihak bomba datang orang ramai.

BAHAGIAN C

Jiran merupakan orang yang paling hampir dengan kita. Amalan kejiranan perlu disuburkan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Salah satu amalan kejiranan yang telah sehati dalam kehidupan masyarakat Malaysia ialah amalan menziarahi jiran tetangga. Amalan tersebut amat mudah dipraktikkan kerana dapat dilakukan tanpa mengira masa, agama dan kaum. Selain itu, masyarakat di negara ini juga sudah terkenal dengan sikap peramah. Oleh itu, amalan bertegur sapa sudah menjadi lumrah bagi kebanyakan

kita. Setiap kali bertemu orang yang dikenali, pasti tangan akan dihulur untuk bersalaman sambil bertanya khabar. Konklusinya, amalan kejiranan yang menjadi sebahagian daripada rutin harian rakyat Malaysia telah menjadikan hubungan antara mereka bagai isi dengan kuku.

BAHAGIAN D

Pendahuluan:

bersiap-siap – bercuti ke Terengganu – bersama rakan-rakan – menaiki bas – bandar – menarik – bertolak – tiba di hotel

Isi 1:

destinasi pertama – melawat – kilang mencanting batik – sibuk – penuh – orang – gembira – pertama kali – melihat batik – warisan orang Terengganu

Isi 2:

petang – berjalan-jalan sekeliling – Pantai Batu Buruk – sangat nyaman – cantik – udara segar – menenangkan fikiran – bermain bersama rakan – makan – minum

Isi 3:

keesokannya – melawat – kilang pembuatan keropok ikan – mendengar – sejarah pembuatan – mengetahui cara pembuatan – teruja – pengalaman baru – singgah di gerai makanan – makanan tengah hari

Isi 4:

melawat – Kampung Melayu Asli – bertemu orang – membuat Wau Bulan – melihat koleksi Wau-wau Bulan – terpesona – unik – seni kraf tangan

Penutup:

tiba masa – pulang – rumah – gembira – pengalaman – baru – cerita – kawan – memori yang sangat indah

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

BAHAGIAN A

- 1 D 2 A 3 C 4 D 5 B
6 A 7 C 8 C 9 A 10 C

BAHAGIAN B

SOALAN 1

- (i) Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Kuala Kangsar
- (ii) Aktiviti yang telah diadakan oleh pihak bomba ialah pameran dan demonstrasi memadamkan kebakaran.
- (iii) langkah-langkah
- (iv) Cara-cara mencegah kebakaran daripada berlaku beserta gambar-gambar mengenai kebakaran telah dilihat oleh murid-murid.

SOALAN 2

Sebagai seorang yang bertanggungjawab saya akan mengenal pasti terlebih dahulu punca sebenar suara tersebut. Saya juga akan meminta rakan-rakan yang lain mencari arah suara yang kedengaran. Jika saya mendapati suara tersebut memerlukan bantuan, saya akan menolong dia bersama-sama rakan yang turut berada di situ.

BAHAGIAN C

Alam sekitar merupakan khazanah yang harus dipelihara oleh manusia sejagat. Antara kepentingan menjaga alam sekitar adalah dapat mengelakkan pembiakan serangga. Sampah sarap yang banyak akan mengundang serangga seperti lalat, ulat dan sebagainya. Kemudian kita dapat menjamin kesihatan yang baik. Alam sekitar yang bersih menjamin udara yang segar. Tambahan lagi, kita juga akan dapat menjaga imej negara dengan menjaga alam sekitar dengan baik. Akhir sekali kita dapat memelihara habitat flora dan fauna daripada pupus. Kesimpulannya, terdapat pelbagai faedah yang diperoleh jika kita menjaga alam sekitar.

BAHAGIAN D

Pendahuluan:

sambutan hari sukan sekolah – diadakan setiap tahun – bertempat di padang sekolah – semua murid – guru – bersedia

Isi 1:

murid-murid – berkumpul – di padang – beratur – ucapan guru besar – guru berucap – atur cara aktiviti – semua – tidak sabar

Isi 2:

beratur – mengikut – rumah sukan – pelbagai pertandingan – sukaneka – tiup belon – mengikut tahap – semangat kesukanan

Isi 3:

ibu bapa – hadir – memeriahkan – bersorak – guru – pengadil – di bawah kemah – guru ketua sukan – memberikan sokongan

Isi 4:

majlis penutup – pembahagian hadiah – juara – rumah merah – murid-murid seronok – menjamu selera – sedap – berselera

Penutup:

penat – tapi gembira – mengukuhkan silaturahim – akan diadakan – tahun hadapan

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2 (UBSA 2)

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 A | 2 A | 3 D | 4 A | 5 B |
| 6 B | 7 D | 8 C | 9 A | 10 C |

BAHAGIAN B

SOALAN 1

- (i) kegunaan kita pada masa depan.
- (ii) Kita menabung untuk menampung perbelanjaan persekolahan atau pada waktu kecemasan.
- (iii) buku-buku
- (iv) Sebagai langkah bersiap sedia untuk mengatasi masalah atau situasi kecemasan, kita perlukan wang yang banyak.

SOALAN 2

Sebagai seorang rakan, saya akan berusaha mencari wang yang hilang terlebih dahulu. Jika tidak menjumpai wang tersebut, saya akan membeli makanan lebih di kantin untuk diberi kepada rakan saya. Saya tidak akan membiarkan rakan saya kelaparan dan tidak dapat mengisi perutnya ketika waktu rehat persekolahan. Kemudian akan melaporkan kepada guru kami bahawa rakan saya telah kehilangan sejumlah wang.

BAHAGIAN C

Sesebuah komuniti haruslah sentiasa mempunyai sifat penyayang dan sikap saling tolong-menolong antara satu sama lain. Aktiviti kemasyarakatan perlu sentiasa dijalankan agar dapat menyuburkan semangat prihatin dalam kalangan penduduk setempat. Antara aktiviti kemasyarakatan yang boleh dilakukan ialah dengan mengadakan gotong-royong bagi membersihkan dewan serbaguna atau bilik gerakan komuniti. Mereka yang terlibat dapat mengukuhkan ukhwah serta dapat bertegur sapa. Selain itu, kita juga boleh memberikan bantuan kepada mana-mana individu yang memerlukan. Misalnya jika sesebuah keluarga itu mempunyai masalah kewangan atau ditimpa banjir, masyarakat memainkan fungsi yang utama untuk memberikan bantuan bagi meringankan beban. Akhir sekali, pelbagai program

boleh diadakan untuk memajukan komuniti di sesebuah tempat. Contohnya program kitar semula, program minggu kesihatan dan sebagainya. Ini amat penting bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai isu semasa atau berkongsi sesuatu ilmu yang baharu. Kesimpulannya, aktiviti kemasyarakatan ini amat penting untuk dijalankan dalam sesebuah komuniti .

BAHAGIAN D

Pendahuluan:

minggu lepas – keluarga – majlis – meraikan – hari lahir – ibu – ke-42

Isi 1:

ayah – rancang – abang – sibuk – membeli barang – menghias – ruang tamu – kakak – ibu – menyediakan makanan – dapur

Isi 2:

menyediakan makanan yang enak – laksa – nasi ayam – puding – sebiji kek – cantik – minati – hias – tempat makan – makanan

Isi 3:

petang – kawan-kawan – keluarga terdekat – tiba – bawa – hadiah – sambut – senyuman – berdiri sekeliling – menyanyi – meniup – tepuk tangan

Isi 4:

memotong kek – menjemput – menikmati kek – hidangan – meja – aktiviti permainan – mengambil gambar – kenangan

Penutup:

majlis berakhir – kawan-kawan – keluarga – pulang – rumah – ibu berasa – gembira – dapat hadiah – hari – bermakna

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

BAHAGIAN A

1 D 2 B 3 A 4 A 5 B
6 A 7 B 8 D 9 A 10 C

BAHAGIAN B

SOALAN 1

- pengurangan bahan buangan dan mengurangkan pembaziran penggunaan sumber semula jadi.
- Bahan-bahan terbuang seperti kaca, plastik dan tin perlu dilupuskan dengan cara yang betul supaya tidak memberi kesan sampingan.
- tayar
- Kita tidak boleh menganggap sampah dan membuang begitu sahaja benda yang sudah lama rosak atau bahan terbuang.

SOALAN 2

Sebagai seorang rakan, saya akan membantu dengan mengangkat terlebih dahulu jika rakan saya boleh berjalan. Saya juga akan memastikan tiada bahagian tulangnya yang patah. Kemudian saya akan cuba menahan kereta atau sesiapa yang berada di situ untuk dibawa ke hospital bagi pemeriksaan yang lanjut. Akhir sekali, saya akan memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaganya sebelum kembali ke sekolah.

BAHAGIAN C

Lembu banyak memberi manfaat dan dapat menghasilkan produk yang berguna kepada kita. Antara manfaat lembu ialah daging lembu boleh diproses menjadi daging burger dan daging cincang. Selain itu, daging mentah lembu boleh dibuat masakan kari, gulai, lemak dan sebagainya. Seterusnya, susu lembu boleh diproses menjadi susu segar dan keju yang boleh dipasarkan. Kulit lembu pula boleh diproses menjadi alat muzik tradisional Melayu seperti kompang dan gendang, juga boleh menghasilkan produk seperti jaket, kasut, beg tangan dan tali pinggang. Kesimpulannya, haiwan ternakan seperti lembu banyak memberi manfaat untuk kegunaan kita.

BAHAGIAN D

Pendahuluan:

aktiviti gotong-royong – menjadi amalan – rakyat Malaysia – terutama masyarakat warga desa – berusaha bersama-sama – menyiapkan sesuatu majlis

Isi 1:

banyak kebaikan bersama – mengeratkan hubungan – inilah masanya – bersua muka – berkenal-kenalan – sesama komuniti, jiran tetangga – tak kenal maka tak cinta

Isi 2:

memudahkan tugas – sesuatu objektif majlis – tugas-tugas – dibahagikan dengan baik – semua orang tahu tanggungjawab – masing-masing – tidak tertunda

Isi 3:

menjimatkan perbelanjaan – kos yang kecil – tapi terlaksana – harus mendapatkan komuniti yang baik dan bertanggungjawab – sepakat membawa berkat

Isi 4:

mengkukuhkan perpaduan – jika terdapat kaum yang berlainan – membuat kerja bersama-sama – melahirkan masyarakat penyayang

Penutup:

harus menjadikan – amalan mulia – dapat dicontohi – generasi akan datang – masyarakat yang tidak mementingkan diri